



# JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

22 MAC 2024 (JUMAAT)

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	36	22 Mac

## Kucing mati mengejut akibat panas

**PASIR PUTIH:** Seorang pemilik kucing baka import di Kampung Pasir Sotong, di sini mengalami kerugian ribuan ringgit selepas enam ekor kucing peliharaannya mati mengejut dipercayai akibat cuaca panas melampau.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Tuan Soh Tuan Nordin, 58, berkata, kucing miliknya daripada baka munchkin, British Short Hair dan bengal itu mati tanpa menunjukkan sebarang simptom kemurungan serta tidak sihat.

Katanya, keenam-enam kucingnya itu mati dalam tempoh dua hari dan dia tidak sempat

membawanya ke klinik haiwan untuk rawatan.

“Kucing-kucing saya tidak menunjukkan kemurungan atau lelah sebelum mati. Pada awalnya, saya menyangka ia terkena makanan beracun, tetapi turut mendakwa banyak kucing kampung mati semasa musim kemarau,” katanya.

Tuan Soh berkata, dia bagaimanapun tidak tahu nama spesifik penyakit yang menyebabkan kucing semasa musim panas. Menurutnya, dia menjangkakan kucing-kucing kesayangannya itu mati akibat kesan dehid-

drasi akibat cuaca panas sejak kebelakangan ini.

Seorang lagi pemilik kucing, Rozana Ismail, 49, berkata, sepasang kucing bengal miliknya berharga RM1,200 turut mati meskipun hanya berada di dalam sangkar.

Katanya, dua anak kucing itu sudah ditempati pembeli yang berjanji akan mengambilnya selepas Hari Raya Aidilfitri.

“Selain kucing yang dipelihara dalam sangkar, lima hingga 10 ekor kucing kampung turut mati seperti berlaku wabak penyakit dalam keluarga kucing iaitu ‘felis catus’ akibat cuaca panas,” ujarnya.

## Tiga Ditahan, Kemuka Tuntutan Palsu Lebih RM800,000

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
MyMetro	MetroTV	Online	21 Mac

### Tiga ditahan, kemuka tuntutan palsu lebih RM800,000

Muhammad Zulsyamini Sufian Suri  
am@hmetro.com.my



Tangkapan skrin daripada MetroTV

Ipoh: Pegawai kerajaan dan usahawan padang ragut antara tiga individu yang direman empat hari bagi siasatan mengenai tuntutan palsu projek pembekalan ternakan bernilai lebih RM800,000.

Perintah reman bermula hari ini hingga Ahad itu dikeluarkan Majistret Noor Azreen Liana Mohd Darus selepas menerima permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Penjawat awam, 38; usahawan, 41; dan pemilik syarikat, 38, itu

ditahan SPRM ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Perak di sini.

Mereka didakwa secara bersama terbabit dalam memalsukan dokumen invois bagi tuntutan bayaran projek bernilai RM836,798 merangkumi perkhidmatan membekal dan menghantar ternakan kambing tenusu, kambing pedaging dan bebiri dengan pensijilan import untuk projek subsektor ternakan daerah Perak Tengah.

Tuntutan itu juga didakwa termasuk program pembangunan jajaran Sungai Perak Tahun 2020 Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak.

Sementara itu, Pengarah SPRM Perak Ahmad Sabri Mohamed ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan siasatan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.-

[MYMETRO](#)

## Penjawat Awam Antara Tiga Direman Buat Tuntutan Palsu Lebih RM800,000

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	Negara	Online	21 Mac



Tiga individu termasuk seorang penjawat awam direman empat hari di Mahkamah Majistret Ipoh.- Foto MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA/KOSMO!

IPOH – Tiga individu termasuk seorang penjawat awam direman empat hari di Mahkamah Majistret di sini hari ini bagi membantu siasatan kes mengemukakan tuntutan palsu untuk projek pembekalan ternakan bernilai lebih RM800,000.

Perintah reman sehingga Ahad depan terhadap pemilik syarikat dan penjawat awam masing-masing berusia 38 tahun serta pengurus padang ragut berusia 41 tahun itu dikeluarkan oleh Majistret Noor Azreen Liana Mohd. Darus.

Tempoh reman itu dipohon bagi membolehkan siasatan lanjut dibuat ke atas kesemua suspek mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Ketiga-tiga suspek ditahan antara pukul 8 hingga 9 malam semalam, ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Perak di Bandar Meru Raya di sini.

Terdahulu, kesemua suspek tiba di pekarangan mahkamah sekitar pukul 9.46

pagi dengan berpakaian lokap SPRM sebelum dibawa keluar pada pukul 11.05 pagi.

Difahamkan, ketiga-tiga lelaki itu ditahan kerana dipercayai terlibat memalsukan dokumen berhubung invois tuntutan pembayaran berjumlah RM836,798.

Pemalsuan itu membabitkan tuntutan bagi Perkhidmatan Membekal dan Menghantar Ternakan Kambing Tenusu, Kambing Pedaging dan Bebiri Bersertifikasi Diimport untuk projek subsektor ternakan daerah Perak Tengah, Program Pembangunan Jajaran Sungai Perak Tahun 2020, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak.

Sementara itu, Pengarah SPRM Perak, Ahmad Sabri Mohamed ketika dihubungi mengesahkan kes berkenaan dan memberitahu siasatan lanjut sedang dijalankan. – **KOSMO! ONLINE**

**3 Direman Bantu Siasatan Kes Tuntutan Palsu Pembekalan Ternakan RM800,000**

<b>MEDIA</b>	<b>RUANGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>	<b>TARIKH</b>
BH Online	BHTV	Online	21 Mac



Tangkapan skrin daripada BHTV

IPOH: Pegawai kerajaan dan usahawan padang ragut adalah antara tiga yang ditahan reman empat hari oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan mengenai tuntutan palsu projek pembekalan ternakan bernilai lebih RM800,000.

Tempoh reman yang bermula semalam hingga Ahad ini dibenarkan Majistret Noor Azreen Liana Mohd Darus ketika tiga lelaki terbabit dibawa ke Mahkamah Majistret, di sini, hari ini.

Penjawat awam, 38; usahawan,

41; dan pemilik syarikat, 38, itu ditahan SPRM Perak kira-kira jam 8 hingga 9 malam tadi ketika mereka hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Perak dekat sini.

Terdahulu, ketiga-tiga mereka yang berpakaian lokap berwarna oren dibawa menaiki kenderaan agensi penguat kuasa itu di perkarangan Mahkamah Ipoh kira-kira jam 9.50 pagi tadi dan keluar pada jam 11.05 pagi.

Penahanan mereka bagi membolehkan siasatan

dilakukan terhadap kes memalsukan dokumen invois bagi tujuan tuntutan pembayaran berkaitan projek pembekalan ternakan bernilai lebih RM800,000.

Projek itu merangkumi perkhidmatan membekal dan menghantar ternakan kambing tenus, kambing pedaging dan bebiri dengan pensijilan import untuk projek subsektor ternakan daerah Perak Tengah serta program pembangunan jajaran Sungai Perak 2020 Jabatan Perkhidmatan Veterinar Perak berjumlah RM836,798.

Siasatan kes dilakukan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Sementara itu, Pengarah SPRM Perak, Ahmad Sabri Mohamed ketika dihubungi mengesahkan mengenai penahanan tiga individu berkenaan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 itu.-  
[BHONLINE](#)



Tiga individu direman SPRM selama empat hari bagi membantu siasatan tuntutan palsu projek pembekalan ternakan bernilai lebih RM800,000. NSTP/ L MANIMARAN

## Tiga Direman Buat Tuntutan Palsu Lebih RM800,000

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Semasa	Online	21 Mac



Ketiga-tiga suspek dibawa keluar dari Mahkamah Majistret Ipoh pada Khamis selepas memperoleh reman selama empat hari.

IPOH - Seorang penjawat awam antara tiga individu direman empat hari bagi membantu siasatan kes mengemukakan tuntutan palsu melibatkan projek pembekalan ternakan bernilai lebih RM800,000.

Perintah reman sehingga Ahad depan terhadap pemilik syarikat dan penjawat awam masing-masing berusia 38 tahun dan usahawan berusia 41 tahun itu dikeluarkan Majistret Noor Azreen Liana Mohd Darus selepas permohonan dikemukakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

(SPRM).

Tempoh reman itu diperoleh bagi membolehkan siasatan lanjut dijalankan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Ketiga-tiga suspek ditahan antara jam 8 hingga 9 malam ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Perak pada Rabu.

Difahamkan, mereka ditahan selepas dipercayai terlibat memalsukan dokumen berhubung invois tuntutan pembayaran berjumlah RM836,798.

Pemalsuan itu membabitkan tuntutan bagi perkhidmatan membekal dan menghantar ternakan kambing tenusu, kambing pedaging dan bebiri bersertifikasi diimport untuk projek subsektor ternakan daerah Perak Tengah, Program Pembangunan Jajaran Sungai Perak Tahun 2020, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak.

Sementara itu, Pengarah SPRM Perak, Ahmad Sabri Mohamed ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan siasatan lanjut sedang dijalankan.-[SINARHARIAN](#)

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR